

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

### **Sistem Interkom Video Panasonic yang Baru untuk Pangsapuri dan Kondominium**

#### ***Sistem Interkom Video yang Serba Boleh Mempertingkatkan Keselamatan di Premis Pangsapuri dan Kondominium***

**Kuala Lumpur, 3 September 2015** – Panasonic Malaysia telahpun melancarkan siri sistem interkom video baru khas buat pasaran kediaman pangsapuri dan kondominium. Dengan rekabentuk yang unik serta rangkaian monitor yang luas, sistem interkom video siri VL-V900 menawarkan rumusan dinamik dan fleksibel yang memenuhi keperluan pasaran mewah dan juga sederhana.



#### **Ciri-ciri Unik Sistem Interkom Video VL-V900:**

##### **1. Sistem Berskala Tinggi**

- Interkom Video VL-V900 merupakan sistem berskala tinggi yang menyokong pintu masuk berganda dan mampu menyambung sehingga 3 stesen lobi dan 560 monitor bilik dalam sebuah blok tunggal. Jika bangunan tersebut memerlukan lebih daripada 560 bilik, sistem VL-V900 yang kedua boleh disambungkan bagi menampung kapasiti yang lebih besar. Sambungan yang lancar di pondok pengawal akibat integrasi dengan sistem PBX membolehkan komunikasi antara pengawal keselamatan dengan penghuni.

##### **2. Mempertingkatkan keselamatan di sekitar premis pangsapuri / kondominium**

- VL-V900 menawarkan 3 tahap pemantauan sebelum pelawat tiba di unit yang dituju. Tahap pertama adalah di pondok pengawal, tahap kedua ketika di stesen lobi pintu masuk setiap blok, dan tahap ketiga

apabila di pintu masuk unit individu. Melalui pantauan pergerakan pelawat, ciri ini mempertingkatkan keselamatan di premis pangsapuri secara menyeluruh.

- Gambar pelawat akan ditangkap setiap kali loceng pintu dibunyi. Gambar-gambar tersebut disimpan dan boleh dilihat pada bila-bila masa untuk menjejak pergerakan pelawat apabila perlu.
- Sistem CCTV yang bersepadu membolehkan penghuni memantau kawasan umum premis atau tempat letak kereta pangsapuri, justeru mempertingkatkan kemudahan.
- Jika berlakunya kecemasan atau ketika ingin membuat aduan, PBX (Sistem Telefon) yang bersepadu membolehkan penghuni menghubungi pondok pengawal melalui interkom hanya dengan menekan sebuah butang. Sebaliknya, pengawal juga boleh menghubungi unit individu melalui sistem ini.
- Integrasi dengan telefon bimbit atau tablet (dasar iOS atau Android) menerusi sambungan wifi membolehkan penghuni menjawab serta membuka pintu menggunakan peranti mereka ketika berada di premis pangsapuri. Apabila berada di luar pula, penghuni akan dimaklumkan tentang pelawat melalui notifikasi emel.

### **3. Pemasangan yang Mudah dan Kos Rendah**

- VL-V900 menawarkan pemasangan yang lebih mudah, senang, dan kos efektif berbanding dengan sistem interkom tradisional. Menerusi sambungan 2 kabel wayar, ia memudahkan penyambungan beberapa bilik dalam satu lokasi dengan menggunakan PC. Secara alternatif, monitor bilik juga boleh dipasangkan di dalam setiap bilik.

### **4. Fungsi Penyelenggaraan Selamat dan Mudah**

- Penyelenggaraan sistem kekal mudah dengan adanya fungsi diagnostik diri untuk mengenalpasti ketika berlakunya ralat.
- Perubahan peranti keras juga senang diuruskan dengan rekabentuk unik ciri-ciri paut semula yang menjimatkan masa.
- Bagi tujuan audit, fungsi log turut tersedia untuk menjejak data pelawat menerusi gambar yang ditangkap beserta cop tarikh.

#### **Sasaran Pasaran:**

Pangsapuri, Kondominium, dan Kediaman / Komuniti Berpagar

Pengarah Urusan Panasonic Malaysia, En Cheng Chee Chung berkata, “Dengan memperkenalkan siri sistem interkom video Panasonic yang baru, matlamat kami adalah untuk memperluaskan lagi litupan kami dalam bisnes kondominium dan pangsapuri, justeru mengukuhkan jenama kami dalam pasaran keselamatan rumah kediaman.”

Katanya, “Selaras dengan slogan sejagat kami iaitu *A Better Life A Better World*, kami ingin turut menawarkan rakyat Malaysia sebuah sistem yang canggih dan cekap dalam menjamin keselamatan kediaman mereka. Kami percaya dalam menawarkan keselesaan dan kemudahan kepada pelanggan kami.”

*Sila rujuk risalah untuk butiran produk selanjutnya.*

## **Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd**

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran profesional, sistem perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh didapati menerusi pengedar sah kami di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berkenaan jenama dan produk Panasonic, layari laman web kami di [www.panasonic.com.my](http://www.panasonic.com.my) atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan kami di 03-7953 7600.

Untuk ahli media, sila muat turun acara dan dokumen cetakan media serta gambar-gambar di [www.pmpressroom.com](http://www.pmpressroom.com)

Media Contact: Mazlee Mokhtar  
Eksekutif Kanan, Komunikasi Korporat & Penjenamaan  
Jabatan Inovasi Pemasaran  
Panasonic Malaysia Sdn Bhd  
Tel: 03 7809 7877 Fax: 03 7955 0722  
Email: [mazlee.mokhtar@my.panasonic.com](mailto:mazlee.mokhtar@my.panasonic.com)